



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Pesiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon: 605-5297444
Faks: 605-5265203 (Bhg Pengurusan)
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: pgn-prk.bomba@1govuc.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/PEN:100-8/2 Jld 3(16)

Tarikh : 13 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

DITERIMA PADA:

[14 JAN 2021] 64

BAH. OPERASI
JBPM. PERAK.

SURAT PERINGATAN: PEMATUHAN KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- ... 2. Bersama-sama dengan ini disertakan surat dari Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya No. Ruj. JBPM/IP/UIN:100(S)-6/1/14 (46) bertarikh 04 Januari 2021 adalah yang berkaitan Surat Peringatan: Pematuhan Kepentingan Melindungi Maklumat Rahsia Dan Terperingkat Kerajaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan perhatian tuan.
3. Kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMI BIN OSMAN)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perak.

s.k – Timbalan Pengarah

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101

KCPB
Tindakan lanjut
Surf 14/1





Ruj Tuan:

Ruj Kami: JBPM/IP/UIN: 100(s)-6/1/14 (46)

Tarikh: 4 Januari 2021

Jamadirawal 1442H



-Seperti Senarai Edaran-

YS Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PERINGATAN: PEMATUHAN KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YS Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, penjawat awam hendaklah menjalankan tugas yang diamanahkan berdasarkan kuasa rasmi yang diperuntukkan kepadanya dan menguruskan maklumat kerajaan dengan penuh berhemah dan bijaksana. Namun sejak kebelakangan ini terdapat insiden yang melibatkan kebocoran maklumat telah dikenalpasti melibatkan warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

3. Oleh yang demikian, Pengurusan Tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memandang serius perkara ini dan tidak akan berkompromi pada mana-mana anggota atau pegawai yang didapati membocorkan dokumen atau maklumat terperingkat yang boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam dan kerajaan.

4. Justeru itu, YS Dato'/Tuan/Puan adalah **DIINGATKAN** supaya memastikan semua pegawai di bawah seliaan agar mematuhi etika menjaga kerahsiaan melibatkan dokumen dan maklumat kerajaan seperti yang telah ditetapkan sepertimana surat **JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4 (31) bertarikh 16 Ogos 2012 "KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN"**. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan surat tersebut untuk rujukan YS Dato'/Tuan/Puan di lampiran A.

5. Di samping itu, YS Dato'/Tuan/Puan juga dikehendaki memastikan perkara berikut dipatuhi:


5.1 mana-mana pegawai yang terlibat dalam penyediaan spesifikasi teknikal atau pembangunan sebarang sistem atau peralatan kebomgaan tidak dibenarkan merakam maklumat atau membawa apa-apa dokumen berperingkat keluar dari bilik mesyuarat atau pejabat.

5.2 Urusetia Mesyuarat hendaklah mengambil semua salinan dokumen yang difikirkan sensitif atau berpotensi memberi kemudahan hendaklah diambil semula selepas selesai mesyuarat diadakan.

6. Justeru itu, YS Dato'/Tuan/Puan diminta untuk memberi perhatian serius dalam melaksanakan pemantauan, meningkatkan kawalan dalaman dan mengambil tindakan tegas sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap perkara ini. Sekiranya terdapat

...2

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 02101

mana-mana pegawai melanggar peraturan ini, ianya boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tatatertib dibawah peraturan **4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** yang menyatakan seperti berikut:

4(2)(i) Seseorang pegawai tidak boleh ingkar perintah

7. Sekiranya pegawai-pegawai dibawah seliaan YS Dato/Tuan/Puan didapati tidak mematuhi etika ini, maka YS Dato/Tuan/Puan juga boleh diambil tindakan dibawah peraturan 3C(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seperti berikut:


3C(2) Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana perintah tetap ini hendaklah bersifat cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

8. Kerjasama dan perhatian YS Dato/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)


Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k. Ketua Setiusaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



Tel. : 03-88153002

Faks: 01-8892459

to meet: farida@noah.vny.ny

(Web) : <http://www.fao.org/land>

~~SECRET~~



FD-302 (Rev. 11-27-70)
NO. 212-11141-1017



Ruj.Kami : JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4(3)

Tarikh : 16 Ogos 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setlausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



Tuan,

**KEPENTINGAN MELINDUNGI
TERPERINGKAT KERAJAAN**

SHIM

MAKLUMAT RAHSIA DAN

PROFESOR DATO: GUAROSILAN

High Capacity

University Saris 14.53/512

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, penjawat awam hendaklah menjalankan tugas yang diamanahkan berdasarkan kuasa rasmi yang diperuntukkan kepadanya dan menguruskan maklumat Kerajaan dengan penuh berhemah dan bijaksana. Untuk menjamin kewibawaan penjawat awam dalam perkara ini, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa akta, pexeliling dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- i) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- ii) Arahan Keselamatan Kerajaan;
- iii) Surat Pekeliling Am Bil. 2/87 - Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi selaras dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan 1986);

Tindakan

5. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK FARIDA BINTI MOHD ALI)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

- YBhg. Dato' TKPPA (O)